

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Sunday, February 12, 2017 2:07 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Hanizaton Bt Hassan
Subject: BENGKEL SEMAKAN DAN PEMANTAPAN RUBRIK PENILAIAN KERJA KURSUS SBM BERJAYA CAPAI OBJEKTIF



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



12 Februari 2017 | 15 Jamadilawal 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

**BENGKEL SEMAKAN DAN PEMANTAPAN RUBRIK PENILAIAN KERJA KURSUS SBM BERJAYA CAPAI
OBJEKTIF**



SBM Online: Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), UUM COB telah menganjurkan Bengkel Semakan dan Pemantapan Rubrik Penilaian Kerja Kursus pada 8 Februari 2017 bertempat di Bilik Serbaguna SBM. Bengkel ini dihadiri oleh para pensyarah yang dikenalpasti melalui mesyuarat Jawatankuasa Pematuhan Pensjilan dan Akreditasi juga melalui saranan ketua jabatan serta penyelaras program berkaitan.

Penganjuran bengkel bertujuan untuk menyemak semula rubrik dan membincangkan keperluan rubrik baru hasil daripada bengkel AACSB yg diadakan pada hujung tahun 2016 serta berdasar kepada laporan *Peer Review Team* (PRT) selepas audit 2016.

Sesi pagi dimulakan dengan proses perbincangan, semakan dan penyediaan bahan (rubrik). Manakala pada sebelah petang, difokuskan kpd pembentangan dan perbincangan deraf rubrik yang telah disemak atau disediakan sepanjang sesi pagi. Antara rubrik yg dibincangkan ialah *service learning*, *keusahawanan*, *leadership*, *problem solving*, *teamwork* dan *knowledge*. Selain itu, intipati bengkel turut memuatkan perbincangan berkenaan *rubric communication*, *ethics* dan *critical analysis*. Fokus diberikan kepada objektif dan traits serta kriteria yang digunakan.

Bengkel turut dihadiri Dekan SBM, Ybrs. Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah dan penjawat utama SBM. Melalui penganjuran bengkel ini, diharapkan segala aktiviti berkenaan penyediaan rubrik dapat diselaraskan dan secara tidak langsung bertepatan dengan kehendak AACSB.

Sekian.



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

we drive for Creativity and Sustainability

School of Business Management (SBM)
UUM COB
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman

+604-928 7401
+604-928 7422
sbm@uum.edu.my
<http://sbm.uum.edu.my/>
<https://www.facebook.com/sbm.uum>










Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.